

20/03/2005

Taraf UMS setanding universiti lain

Oleh AMIRULLAH ANDI NUR

PROFESOR Tan Sri Dr Abu Hassan Othman melakar sejarah sebagai Naib Canselor (NC) pertama Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila universiti itu diwujudkan pada 1994. Selepas berkhidmat selama lebih 10 tahun, beliau meninggalkan `anak kesayangannya' kerana bersara, secara rasmi pada 18 Mac lalu (Jumaat) pada usia 65 tahun. Wartawan Berita Minggu, AMIRULLAH ANDI NUR menemui beliau bagi berkongsi pengalamannya membangunkan UMS yang kini sudah melahirkan 9,051 graduan dari sarjana muda hinggalah kepada doktor falsafah (Phd).

S BOLEH Tan Sri ceritakan latar belakang penubuhan UMS?

J UMS ditubuhkan pada 24 November 1994 melalui Perintah Perbadanan UMS 1994 (Universiti Malaysia Sabah Corporation Act, 1994). Pada masa yang sama juga dikeluarkan Perintah Kampus UMS 1994 (Universiti Malaysia Sabah Campus Order 1994) yang menetapkan lokasi serta tapak kampus UMS. Kedua-dua perintah itu diwartakan pada 30 Oktober 1994. Penubuhan dan pembentukan kampus UMS adalah cetusan daripada janji Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ketika itu di dalam satu perhimpunan bersama rakyat di Beaufort, Sabah pada 31 Januari 1994. Pada tahun akademik 1995/1996 UMS, memulakan sesi akademik pertamanya dengan 205 orang pelajar sulung.

S Bagaimana perasaan Tan Sri apabila dilantik sebagai NC pertama UMS.

J Saya tidak pernah terfikir untuk dilantik sebagai NC. Waktu itu saya hanya memikirkan persaraan mengikut umur 54 tahun. Cuma bila saya ingat kembali, 1994 adalah tahun bersejarah bagi saya kerana pada tahun itu saya bersama isteri menunaikan haji sempena persaraan. Tanpa pengetahuan saya, rupanya setiausaha saya ketika itu Puan Nora (ketika berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)), menghantar CV (profil) saya kepada Kementerian Pendidikan. Malah NC UKM ketika itu, Prof Datuk Dr Sham Sani juga tidak memberitahu walaupun tahu mengenainya. Saya kembali dari Makkah pada penghujung Mei dan terus menyambung tugas sebagai TNC di UKM. Pada sekitar Ogos, saya dipanggil Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Najib Razak dan memaklumkan nama saya dipertimbangkan untuk menjadi NC. Itulah kali pertama saya mendapat maklumat rasmi daripada menteri.

S Apabila Tan Sri dilantik sebagai NC UMS, ada syarat dikenakan?

J Tiada syarat. Cuma saya dimaklumkan oleh menteri bahawa universiti ini adalah satu perancangan kerajaan dan pembinaannya satu pelaksanaan dan dia begitu yakin pengalaman saya dapat membantu menterjemahkan hasrat itu. Saya melaporkan diri di Kementerian Pendidikan pada September 1994. Saya diberi sebuah bilik dan tidak ada kakitangan, hanya saya seorang menguruskan pembinaan universiti. Saya berada di sana sehingga November. Sepanjang tiga bulan itu, saya bertugas tanpa kakitangan. Saya bernasib baik kerana dibenarkan menggunakan kakitangan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) untuk membantu memulakan kerja universiti.

S Sepanjang tempoh tiga bulan itu bagaimana Tan Sri memulakan usaha penubuhan UMS?

J Sewaktu Kementerian Pendidikan beri kelulusan penubuhan UMS, mereka juga meluluskan pelantikan 13 jawatan utama UMS serta peruntukan RM1.5 juta. Bayangkan berbekalkan RM1.5 juta dan 13 orang yang hendak dilantik termasuk dua TNC? Tapi saya tidak buang masa dan terus mencari penjawat jawatan ini termasuk pendaftar, bendahari dan pegawai pentadbir. Pertama saya lantik dua TNC, Pendaftar dan Bendahari. Saya cadangkan Prof Datuk Dr Wan Rafae sebagai TNC Akademik dan Prof Dr Sulaiman Yassin (TNC

Pembangunan) manakala Hela Ladin Mohd Dahlan, Pendaftar dan Rizal Othman, Bendahari. Saya tulis kepada JPT dan menteri minta mereka dilantik dan dipersetujui. Mohd Hamid dan Sulaiman hanya melapor diri pada November manakala Hela Ladin dan Rizal pada Disember. Jadi sehingga hujung 1994, saya sudah ada empat kakitangan utama.

Selepas itu, saya diarahkan oleh Kabinet memulakan pengajian pada Julai 1995 dan mengambil kumpulan pelajar pertama. Saya diarah menggunakan kemudahan UKM cawangan Sabah (UKMS di Jalan Tuaran). Kemudian saya diarah membuat pelan akademik yang mesti disiapkan pada Februari. Pada masa sama kita ditawarkan mencari tempat mentadbir di Kuala Lumpur bagi memudahkan pengurusan. Kita dapat pejabat di Jalan No 9, Banglo UM dan kita jadikan Pejabat Pengurusan UMS. Di situ agak unik kerana bangunan itu adalah rumah, bukan pejabat. Ia dilengkapi bilik air dan tidur. Satu bilik utama diubahsuai jadi pejabat NC manakala tingkat bawah dijadikan pejabat pentadbiran. Pengambilan pensyarah pertama kita lakukan di situ iaitu Prof Datuk Kamarudin Kachar, Prof Dr Ridzwan Abdul Rahman dan Inon Shaharudin.

S Ada pengalaman lucu sepanjang beroperasi di situ?

J Ada, sekali. Dalam membuat pelan akademik itu, kita kena perbanyakkan pelan ini menjadi beberapa puluh salinan dan kita membuatnya hanya di sebuah kedai gambar Konica iaitu kedai bersebelahan dengan Krisna Curry House di Jalan Tasik, Petaling Jaya. Untuk salinan high quality dibuat oleh Nextscape, mereka banyak membantu. Kami duduk... saya bersila buat clipping kerana tidak ada budak pejabat, begitu juga kerani. Saya ingat tidak ada NC yang duduk bersila, klip kertas macam saya buat dan pada bulan puasa pula tu...

S Bagaimana dengan pejabat operasi di Kota Kinabalu (KK)?

J Kita cari banyak tempat di KK. Akhirnya kita dapat sewa di Gaya Centre. Kita ambil dua tingkat di Tingkat 9 dan 13. Tingkat 9 untuk menempatkan pejabat NC sementara 13 untuk pendaftar dan pensyarah. Jadi masa itu kita beroperasi di dua pejabat, satu di KL dan satu di KK.

S Apabila UMS dimulakan, tentunya ada satu pelan induk yang dilakukan oleh Tan Sri selaku NC?

J Pelan induk UMS terbahagi kepada dua iaitu akademik dan fizikal. Bagi pelan pertama, ia membabitkan program pengajian akademik, strukturnya serta sekolah yang ditubuhkan. Tindakan pertama saya ambil adalah melantik ahli jawatankuasa dan pakar yang dapat membantu penyediaan pelan pertama ini kerana waktu itu saya diberi tempoh amat singkat iaitu pada September. Pada Januari saya harus kemukakan kepada kementerian untuk kelulusan dan pelaksanaan pada Julai 1995. Saya bernasib baik kerana mendapat bantuan dan sokongan pakar terutama dari UKM, UM, UPM serta beberapa agensi kerajaan serta swasta lain. Bagi pengerusi yang dilantik, saya bagi kepercayaan kepada mereka untuk melantik jawatankuasa sendiri dan membuat cadangan tentang program akademik dan kursus ditawarkan.

S Bagaimana pelan kedua iaitu pelan fizikal?

J Ini adalah cabaran kerana saya banyak pengalaman dalam bidang akademik, bukan pembangunan fizikal. Namun saya mendapat sokongan padu Menteri Pendidikan dan selepas berbincang, kami bersetuju melantik Jabatan Kerja Raya untuk membantu penyeliaan Pelan 1 Fizikal. Sejak daripada awal penubuhan UMS, pengurusan UMS merancang pelan induk pembangunan kampus di atas tapak seluas 999 ekar yang diwartakan sebagai kampus UMS. Pengurusan UMS bersama dengan JKR menyediakan Pelan Induk Kampus yang dipamerkan ketika Upacara Pecah Tanah oleh Perdana Menteri pada 28 November 1995.

Pembinaan kampus UMS dibahagikan kepada dua iaitu fasa I (yang terdiri daripada fasa IA dan IB) dan Fasa 2. Kos pembinaan bagi Fasa 1 berjumlah RM1.4 bilion sementara bagi pembangunan Fasa 2 berjumlah RM410 juta. Kami

bersetuju, fizikal UMS mestilah mencerminkan identitinya sebagai satu bentuk pembangunan fizikal yang berfungsi dan berkesan manakala kedua, pembangunan secara efektif dan memudahkan kerjasama. Hasil daripada falsafah universiti, kita lakar lokasi universiti dan perkara pertama dilakukan adalah menentukan hala kiblat untuk memudahkan dan mendapatkan tempat bangunan. Jadi setiap kawasan ada zoning masing-masing seperti sekolah pengajian, perpustakaan atau dewan besar. Misalnya, perpustakaan dan dewan besar dikelilingi bangunan akademik dan pentadbiran yang diletak di atas bukit sebagai mercu tanda pengurusan universiti. Kedua-dua bangunan ini juga diletak berhampiran bagi menunjukkan klimaks pengajian yang mana mereka akan mendapat ijazah. Keep them to reminder. Masjid pula diletakan di tempat tinggi dari yang lain, bagi mengingatkan kita ia adalah puncak ilmu yang lebih tinggi dari yang lain. So this is to remind student kuasa Allah lebih dari manusia.

S Boleh Tan Sri perjelaskan mengenai kampus kedua UMS di Labuan?

J Pembinaan kampus kedua di Labuan tidak ada dalam perancangan. Hanya pada September 1998, kita mendapat surat dari kerajaan meminta memulakan pengajian akademik di situ menggunakan bangunan kompleks kerajaan Pusat. Selepas itu, kita sibuk mengatur pelan induk Kampus Antarabangsa Labuan dan ia kemudian diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Akhirnya kita memulakan pengajian di situ pada Januari 1999. Program pengajian di situ adalah berbentuk perniagaan dan teknologi maklumat.

S Peranan UMS tidak sekadar menawarkan pendidikan. Boleh Tan Sri perjelaskan perkara ini?

J Apabila kerajaan membuat pilihan untuk menubuhkan UMS, ia bukan sebab semata-mata untuk menyiapkan ruang pendidikan kepada anak-anak Sabah. Walaupun pada masa itu satu fungsinya, banyak rakyat Sabah dapat datang ke universiti kerana kebanyakannya tidak mampu akibat masalah kewangan. Ini saya rasa bagi keluarga yang miskin memang sukar untuk membelanjakan wang yang banyak. Apabila universiti ini dibuka, maka dengan serta merta peluang terbuka luas. Jadi pelajar Sabah sekarang boleh nampak, depan mata sendiri UMS untuk mereka gunakan sebagai inspirasi untuk belajar dan akhirnya mungkin satu hari nanti boleh masuk universiti. Kita memperuntukan 40 peratus pelajar UMS untuk penduduk Sabah dan kita sudah berjaya.

S Tan Sri turut melalui proses pertukaran kepemimpinan kerajaan Sabah melalui sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri. Bagaimana sokongan dan kerjasama mereka dalam proses pembangunan UMS ini sepanjang tempoh itu?

J Dalam proses pembangunan kampus ini, saya tidak dapat nyatakan satu persatu tapi secara umumnya memang jelas UMS banyak mendapat bantuan dan sokongan daripada kerajaan negeri. Misalnya pada Mei 1995, kita dapat menggunakan kampus sementara Kolej Komuniti Yayasan Sabah yang dibangunkan dalam waktu singkat kerana waktu itu saya mendapat sokongan padu dari Ketua Menteri Sabah ketika itu, Tan Sri Sakaran Dandai. Apabila Datuk Salleh Said mengambil alih, dia menambah tanah kampus sebanyak 36 hektar kepada kawasan asal sebanyak 196 hektar.

Datuk Yong Teck Lee pula memberikan sokongan dalam kempen pelajar terutama mengambil bahasa Mandarin. Beliau juga ada mengeluarkan peruntukan untuk menguruskan pentadbiran dan hal ehwal pelajar. Selain itu, Tan Sri Bernard Dompok pula menimbang untuk menyediakan sebuah Kerusi Kadazandusun di UMS manakala Datuk Osu Sukam pula membenarkan kita menggunakan Sabah Forest Institute untuk latihan pelajar perhutanan. Tan Sri Chong Kah Kiat menyediakan kawasan untuk kajian rumpai laut di Kudat kepada Institut Kajian Borneo. Kemungkinan hasil kajian rumpai ini boleh dikomersialkan pada masa akan datang. Ketua Menteri sekarang, Datuk Seri Musa Aman membantu kita dari segi pengurusan supaya kita dapat

menggunakan perairan sebagai kawasan bukan untuk pembangunan. Ia satu pemberian dan tindakan yang amat wajar.

S Berapa banyak program akademik yang sudah ditawarkan oleh UMS sepanjang pentadbiran Tan Sri dan sasaran jangka panjang.

J Sehingga ini UMS sudah mempunyai 60 program akademik (prasiswazah) dan menjelang tahun 2010, UMS merancang untuk menawarkan 23 buah lagi program baru. Paling terbaru kursus perubatan yang dimulakan pada sesi 2003/2004 membabitkan pengambilan 33 pelajar. Bagi program pasca siswazah pula, UMS akan meneruskan program sarjana dengan penyelidikan (Sarjana Sains, Sarjana Sastera dan Sarjana Falsafah) dan lain-lain program sarjana yang telah diluluskan. UMS juga akan meneruskan dan mempergiatkan program pada peringkat Doktor Falsafah. Bagi mencapai matlamat ini UMS sedang mempergiat dan menggalakkan pelajarannya mengikuti program ijazah lanjutan ini bagi memperkuatkan program tujahan (niche) yang ditetapkan oleh pihak universiti. Sasaran UMS adalah untuk menyelia lebih daripada 3,000 pelajar pasca siswazah pada tahun 2010 (jumlah itu adalah kira-kira 20 peratus daripada jumlah enrolmen pelajar prasiswazah universiti pada ketika itu (15,000-17,000 orang). Selain memperkenalkan beberapa program baru, UMS akan memperkukuh dan juga mengusahakan penambahbaikan program dan kursus yang ada.

S Bagaimana penerimaan majikan atau bakal majikan terhadap graduan UMS sehingga ini Tan Sri?

J Sehingga ini bagus. Kita ada buat kajian, enam bulan pertama selepas tamat pengajian sebanyak 53 peratus dapat kerja, bakinya setahun selepas itu. Mereka bekerja dalam pelbagai sektor, ada kira-kira 80 peratus setiap tahun diterima kerja. Yang tidak diterima kita dapati mereka ada masalah - tidak boleh berkomunikasi, tak boleh berinteraksi dengan baik. Kalau tidak boleh macam mana hendak diterima khususnya di sektor swasta. Akhirnya banyak yang tunggu peluang di sektor kerajaan, macam jawatan guru, pensyarah atau pentadbir. Kita sedang lakukan sesuatu agar graduan UMS sentiasa laku di pasaran pekerjaan.

S Bagaimana dari segi pencapaian penyelidikan UMS sehingga ini?

J Dari sudut penyelidikan, tenaga akademik UMS berjaya mendapat beberapa pembiayaan atau geran penyelidikan. Contohnya melalui geran IRPA, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) sebanyak RM4.6 juta diterima termasuk projek berbentuk 'top-down'. Angka ini meningkat kepada RM5.9 juta dalam RMK-8. Dalam tempoh 10 tahun ini, tenaga akademik UMS mula menunjukkan kebolehan penyelidikan masing-masing apabila terdapat industri yang berminat mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka. Ini termasuklah kajian rumpai laut di Institut Penyelidikan Marin Borneo, kajian Kacip Fatimah di Institut Biologi dan Tropika Pemuliharaan, kajian pembangunan 'low cost housing' berasaskan sisa kelapa sawit di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat dan peralatan permainan matematik (mathematical games) di Sekolah Sains & Teknologi.

Potensi kebolehsaingan hasil penyelidikan UMS di peringkat antarabangsa turut terbukti apabila sepasukan tenaga akademik berjaya merangkul 1 pingat emas, 5 perak dan 1 gangsa ketika menyertai The 32nd International Exhibition of Invention of New Techniques and Products di Geneva, Switzerland pada April 2004 lalu. Pada 10 hingga 14 Disember 2004 pula, UMS berjaya merangkul 1 pingat emas, 2 perak dan 1 gangsa ketika menyertai Seoul International Invention Fair 2004, Korea. Selain daripada penghasilan penyelidikan, penyelidik universiti juga terbabit dalam aktiviti penyelidikan di peringkat antarabangsa bersama-sama penyelidik seantero dunia. Contohnya Ekspedisi Saintifik ke Antartika selama 2 bulan bermula 12 Disember 2004 lalu, membabitkan dua saintis muda UMS iaitu Dr Baba Musta, pensyarah di Sekolah Sains dan Teknologi dan Dr Clemente Micheal Wong, pensyarah di Institut Penyelidikan Bioteknologi. UMS akan

memberi tumpuan khusus kepada penyelidikan tertentu yang akan menjadi fokus utama untuk dimajukan. Antaranya penyelidikan berkaitan Bioteknologi (kajian terhadap tumbuh-tumbuhan untuk makanan dan juga untuk kegunaan-kegunaan lain sebagai produk hiliran (downstream) selain teknologi (kajian dalam bidang robotik, komunikasi satelit, teknologi multimedia, persekitaran dan sebagainya), marin (kajian mengenai penggunaan sumber marin seperti pembiakan ikan yang boleh dikomersialkan dan juga kajian berkaitan dengan kegunaan rumpai laut dan sebagainya), Sains Sosial (kajian berkaitan dengan psikologi seperti kajian mengenai stres, gerantologi, mengenai migrasi, kajian hubungan etnik dan sebagainya).

S Bagaimana dengan pembangunan sumber manusia di UMS sehingga ini Tan Sri?

J Bagi merealisasikan program akademik yang ada dan menghasilkan sumber manusia yang bersesuaian dengan program yang dijalankan, universiti memerlukan tenaga pengajar yang terlatih dan berketrampilan. Oleh sebab itu universiti berusaha mendapatkan tenaga berkenaan daripada pasaran terbuka di samping mengadakan program latihan tersendiri. Universiti cuba untuk mewujudkan nisbah di antara tenaga pengajar dengan pelajar yang baik. Berdasarkan perancangan yang diatur, universiti memerlukan sekurang-kurangnya 600 tenaga pengajar pada 2005 dan menjelang tahun 2010 UMS memerlukan kira-kira 850 tenaga pengajar yang mana bilangan pelajar ketika itu dijangka melebihi 17,000 orang.

Bagi menampung keperluan tersebut UMS perlu memperkukuhkan latihan dan pembangunan sumber manusia melalui skim latihan yang sedia ada di samping mewujudkan insentif untuk menarik minat mereka yang berkelayakan menyertai skim tenaga pengajar universiti. Di samping itu universiti juga memerlukan kakitangan pengurusan dan sokongan kira-kira 624 orang lagi menjelang tahun 2010. Bilangan kakitangan sokongan yang mencukupi juga perlu bagi menyokong kegiatan, operasi dan fungsi universiti sama ada melalui pengajaran, penyelidikan, pentadbiran dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Jumlah kakitangan UMS setakat 31 Disember 2004 adalah 1,040 orang iaitu 539 orang daripadanya adalah kakitangan akademik manakala 501 orang lagi bukan akademik.

S Berapa graduan yang sudah dihasilkan oleh UMS sejak 1994 sehingga sekarang.

J Majlis Konvokesyen Pertama UMS pada 11 September 1999 menyaksikan seramai 648 graduan dilahirkan dalam pelbagai bidang pengajian di peringkat Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana muda. Sehingga Majlis Konvokesyen ke-6 pada 2004, jumlah graduan UMS yang dihasilkan berjumlah 9,051 orang.

S Universiti di Malaysia memang tidak pernah ada ranking, tapi bagi mencapai tahap yang tinggi di kalangan universiti lain di negara ini, apakah usaha yang dilakukan oleh UMS.

J Sekarang kita ada lima universiti senior seperti UM, UKM, UPM, USM dan UTM. Mereka sudah lama membangun dan sudah berusia lebih 30 tahun dan ada yang lebih 40 tahun. Mereka sudah mempunyai struktur, maknanya sudah ada elemen yang tetap yang berjaya menghasilkan banyak produk sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara. UMS pula baru 10 tahun, tentunya kita belum memiliki kesamarataan dari segi misalnya kakitangan akademik. Setakat ini kita sudah mempunyai lebih 60 peratus pensyarah senior manakala bertaraf profesor atau Phd, masih rendah lagi. Jadi kita ada baki hampir 40 peratus untuk diusahakan. Kedua, dari segi penyelidikan. Kalau dibandingkan dengan universiti senior lain, mereka tentunya sudah banyak membuat penyelidikan. Geran pun banyak diterima berbanding kita di UMS. Tapi kita sudah mulakan biarpun masih tidak banyak dan geran penyelidikan juga kita terima tapi tidak sebanyak universiti lain. Namun

apa yang berjaya dilakukan sekarang, kita mampu menghasilkan penyelidikan yang ada potensi untuk dikomersialkan selain fundamental. Misalnya, kita dah ada satu hasil penyelidikan yang boleh dikomersialkan selain beberapa lain penyelidikan yang turut mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Ini menunjukkan kita mempunyai potensi untuk mencapai status senior pada masa depan.

S Pada mulanya, ada pihak meragui perkembangan UMS. Selepas 10 tahun di bawah pengurusan Tan Sri bagaimana penerimaan pelajar, ibu bapa dan tenaga pengajar terhadap UMS?

J Pada peringkat awal memanglah biasa ada ragam pelbagai. Ada banyak keraguan. Persoalan terhadap penerimaan pelajar dan ibu bapa selain tenaga pengajar sendiri sering kali muncul. Tapi saya selalu menyebut, bahawa asas yang paling penting adalah program pengajian yang ditawarkan. Kalau program itu satu program yang baik dan relevan, laku di pasaran, saya rasa sesiapa saja akan datang belajar. Di UMS, kerana kita mengabungkan program berorientasikan teoritikal dan praktikal, serta market relevan, maka sejak awal lagi kita tidak ada masalah mendapatkan pelajar. Sekarang ini kita mempunyai 50 peratus pelajar Semenanjung, 40 peratus Sabah dan selebihnya Sarawak. Tidak ada lagi masalah kebimbangan atau keraguan, malahan kalau saya lihat dari segi pengambilan, semakin ke hadapan semakin baik pencapaian pelajar yang memohon ke UMS. Ini kerana standardnya lebih kurang sama dengan pelajar yang masuk ke universiti tempatan lain. Dulu memang di peringkat awal, pelajar akan memilih UMS disenarai terakhir atau kedua terakhir. Tapi sekarang ada perubahan apabila ramai meletakkan UMS sebagai pilihan pertama, kedua atau ketiga dan tidak lagi di tempat terakhir. Perkembangan ini menunjukkan di kalangan pelajar dan ibu bapa bahawa universiti ini bertambah baik dan tidak ada lagi keraguan mengenainya.

S Selepas 10 tahun, UMS sudah melalui perkembangan pesat, apa yang Tan Sri harapkan daripada UMS dalam tempoh 10 tahun lagi?

J Pertama, UMS harus bergerak untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan kerana universiti yang tidak dapat mencapai taraf elit yang tinggi ini, maka ia tidak dapat dikenali sebagai universiti. Dia hanya dikenali sebagai sebuah sekolah tinggi. Jadi tanggungjawab kakitangan yang akan menggerakkan universiti ini dalam bidang akademik misalnya, dekad yang kedua ini untuk melihat kandungan yang kita dibina selama 10 tahun ini.

#### Profil

NAMA: Prof Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abu Hassan Othman

ASAL: Rembau, Negeri Sembilan

LAHIR: 18 Mac 1940

ISTERI: Puan Sri Jamilah Sudin

ANAK: Eliza Hasmi, Afdzal Hasmi, Arieff Hasmi

Pendidikan:

\* Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Malaya, 1969

\* Ijazah Sarjana Pengajian Melayu (Antropologi Sosial), Universiti Malaya, 1972

\* Ijazah Doktor Falsafah (Sosiologi), Michigan State University, 1977

Pengalaman:

\* Penolong Pensyarah UKM, 1971

\* Prof Madya Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM, 1978

\* Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM 1978-1979

\* Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan UKM, 1980-1983

\* Dekan Pusat Pengajian Siswazah 1985-1989

\* Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UKM 1990-1994

\* Naib Canselor UMS, 1994-2005

Jawatan lain:

- \* Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia, 2004-2005
- \* Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor/Reaktor IPTA Malaysia, 1994-2005
- \* Pengerusi University Mobility In Asia and Pacific (Umap), 2003-2005
- \* Ahli Lembaga Persatuan Universiti Komanwel
- \* Ahli Lembaga Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Asia Tenggara
- \* Ahli Lembaga Pengarah Open University Malaysia

(END) Source : Berita Harian